

DASAR PEMBINAAN RUMAH KOS RENDAH / KOS SEDERHANA RENDAH

PENGENALAN

Dasar sumbangan 30% Rumah Kos Rendah telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 1 Januari 1986. Mengikut dasar ini, pemaju swasta yang membina rumah melebihi 150 unit di kawasan pembangunan dikehendaki menyumbang sekurang-kurangnya 30 peratus rumah kos rendah kepada Kerajaan Negeri. Bagi rumah-rumah yang dibina diluar kawasan pembangunan, sumbangan sekurang-kurangnya 30 peratus rumah kos rendah hendaklah dibuat oleh pemaju swasta; sekiranya jumlah unit yang dibina di kawasan tersebut melebihi 100 unit.

Semasa peringkat Permohonan Kebenaran Merancang (PKM), syarat penyediaan unit-unit kediaman kos rendah adalah seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020. Melalui pemakaian Garis Panduan Peningkatan Ketumpatan dan Nisbah Plot MPPP yang diluluskan pada 21 Disember 2011, mana-mana pemajuan yang menggunakan garis panduan tersebut adalah dikenakan syarat penyediaan 30% rumah kos sederhana rendah sekiranya pemajuan tersebut terletak di Daerah Timur Laut. Manakala penyediaan 30% rumah kos rendah ATAU 15% rumah kos rendah / 15% rumah kos sederhana rendah adalah disyaratkan bagi pemajuan yang terletak di Daerah Barat Daya yang menggunakan garis panduan tersebut.

Harga Rumah Kos Rendah / Rumah Kos Sederhana Rendah

Di dalam RSNPP 2020 di bawah DS32 L8 – Menetapkan harga rumah kos rendah di antara RM25,000.00 – RM42,000.00 bergantung kepada lokasi, jenis rumah kos rendah yang disediakan dengan keluasan minimum saiz ruang lantai / unit – 650 kps dan DS32 L9 – Menyediakan perumahan kos sederhana rendah sebagai tambahan kepada penyediaan perumahan kos rendah yang berharga antara RM40,000.00 hingga RM75,000.00

Penentuan harga perumahan kos rendah / kos sederhana rendah bergantung lokasi, jenis rumah kos rendah yang disediakan dengan keluasan minimum saiz ruang lantai / unit tersebut. Perincian jadual penetapan harga untuk rumah kos rendah / kos sederhana rendah adalah seperti berikut:

DASAR PEMBINAAN RUMAH KOS RENDAH / KOS SEDERHANA RENDAH

Penetapan Harga Rumah Kos Rendah Dan Kos Sederhana Rendah Di Negeri Pulau Pinang

Jenis	Harga Maksima	Spesifikasi
Rumah Kos Rendah (RMM 'A')	RM42,000.00	650 kps
Rumah Kos Sederhana Rendah (RMM 'B')	RM72,500.00	700 kps